

Konglomerat tempatan disaran tumpu isu mapan

BH- 29/11/2007

Abdullah mahu syarikat berjaya laksana tanggungjawab sosial

Oleh Amirullah Andi Nur
dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengingatkan korporat tempatan yang berjaya menempa nama pada peringkat antarabangsa supaya tidak melupakan asal-usul mereka.

Pada masa sama, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan turut mahu pengusaha korporat tidak hanya memfokuskan kepada objektif utama mengaut keuntungan sebaliknya turut memberi tumpuan kepada isu mapan dan pemuliharaan.

“Seperti kita maklum, korporat sudah tentu terus berkembang untuk mencatatkan keuntungan tapi dalam masa sama mereka perlu berperanan sebagai warga bertanggungjawab.

“Sebab itu, diingatkan supaya korporat tempatan yang berjaya pada peringkat global tidak lupa asal usul mereka,” katanya ketika melancarkan penukaran nama Synergy Drive Bhd kepada Sime Darby Bhd di sini, semalam.

Sime Darby adalah hasil penggabungan syarikat tiga gergasi perladangan iaitu Sime Darby Bhd, Kumpulan Guthrie Bhd dan Golden Hope Plantations Bhd serta pelbagai syarikat milik ketiga-tiga entiti berkenaan.

Melalui penggabungan itu, ia muncul sebagai kumpulan perladangan terbesar dunia selain menjadi pengedar jentera berat berjenama terbesar di Asia serta kenderaan mewah seperti BMW dan Land Rover.

Sime Darby juga bakal menjadi korporat terbesar yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran dianggarkan bernilai RM50 bilion dan mempunyai ope-



WAJAH BARU: Abdullah menerima plak daripada Ahmad Zubir (kanan) dan Musa pada pelancaran logo baru Sime Darby di Kuala Lumpur, semalam.

rasi di 20 negara.

Majlis itu yang juga disiarkan secara langsung di seluruh dunia menerusi internet semalam yang turut menyaksikan pelancaran logo baru Sime Darby.

Hadir sama Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Pengerusi Sime Darby, Tun Musa Hitam serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby, Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid.

Mengambil contoh Sime Darby, Perdana Menteri berkata menerusi pengenalan konsep mapan, syarikat itu membuktikan ia mampu memainkan peranannya dalam menggalak-

“Menerusi pemilikan tanah yang luas, kita berharap Sime Darby akan menimbangkan bantuan kepada masyarakat kurang berkemampuan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

kan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Sebagai contoh, Sime Darby perlu terus memperluaskan pembabitannya dalam program Pintar dan mengambil lebih banyak sekolah di luar bandar untuk dibantu. Menerusi pemilikan tanah yang luas, kita berharap Sime Darby akan menimbangkan bantuan kepada masyarakat kurang berkemampuan,” katanya

Mengenai penggabungan tiga syarikat itu, Abdullah berharap Sime Darby tidak akan tersilap tafsir dan sebaliknya berusaha merebut setiap peluang secara kolektif untuk muncul sebagai jaguh pada peringkat global.